

CNS1283

R GB 27-11 00179 BB651

aab

Mahathir - Australia

MALAYSIA TIDAK BUAT BANTAHAN RASMI

I

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak akan mengemukakan bantahan rasmi terhadap Australia kerana kenyataan Perdana Menteri Paul Keating dan beberapa media Australia yang menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memberitahu pemberita, terserahlah kepada kerajaan Australia dan Keating sendiri untuk mengkaji cara-cara untuk memperbaiki keadaan antara kedua-dua negara.

"Terpulanglah kepadanya (Keating) untuk menentukannya," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada Keating harus meminta maaf kepadanya bagi meredakan kontroversi antara kedua-dua negara ekoran kenyataan itu.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian Projek Kenderaan Perdagangan Nasional antara Hyundai Motor Company dari Korea Selatan dan Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd (INOKOM).

Awal minggu ini, Keating dan beberapa media Australia mengkritik Dr Mahathir kerana tidak menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle.

Kenyataan Keating telah membangkitkan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia yang kemudian mencadangkan kerajaan mengambil beberapa tindakan termasuk memutuskan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Australia.

-- Lagi

▼27/11/16-27MST

CNS1290

R GB 27-11 00154 BB652

aab

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia yang kurang senang dengan kenyataan Keating berhak mengemukakan cadangan.

"Ada orang yang berasa kurang senang dengan kenyataan itu. Mereka yang mengemukakan cadangan ini... Malaysia ialah negara bebas. Rakyat negara ini bebas bersuara," kata beliau.

Perdana Menteri juga menarik perhatian kepada laporan dalam akhbar tempatan dan berkata, ada rakyat Malaysia yang mahu kerajaan mengekalkan hubungan dengan Australia.

Ketika ditanya sama ada beliau, sebagai Perdana Menteri Malaysia, mahu memelihara hubungan antara kedua-dua negara, beliau berkata: "Sudah tentu, saya mahu mengekalkan hubungan dengan semua orang. Orang lain sahaja yang tidak mahu menjalin hubungan baik dengan saya".

Mengenai sama ada kerajaan akan memutuskan hubungan dengan Australia berhubung dengan isu itu seperti dicadangkan oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak bertindak seperti itu kecuali kita mempunyai alasan yang kuat untuk berbuat demikian." -- Lagi

▼27/11/16-35MST

CNS1299

U GB 27-11 00119 BB653

aab

Mahathir - Australia 3 Kuala Lumpur

Mengenai sama ada isu ini boleh menjadi serius jika tiada tindakan diambil untuk menyelesaikannya secara aman, beliau berkata: "Sama ada ia serius atau sebaliknya bergantung kepada perkembangan yang menyusul."

"Jika rakyat membuat keputusan tidak memperbesar-besarkan isu itu dan tidak menyinggung perasaan orang lain, Saya rasa isu itu tidak serius," kata beliau.

Bagaimanapun, jika ada orang mengambil kesempatan untuk melemparkan kenyataan-kenyataan yang tidak disenangi terhadap orang lain dan cuba menasihatkan orang lain tentang bagaimana mereka harus menunjukkan tingkah laku, perkara ini akan bertambah serius.

Dr Mahathir berkata sesetengah akhbar, syarikat perfileman dan stesen televisyen Australia nampaknya cenderung untuk mengeruhkan hubungan. -- Lagi

▼27/11/16-47MST

CNS1306

U GB 27-11 00139 BB654

aab

Mahathir - Australia 4 (akhir) Kuala Lumpur

"Sudah tentu, apabila timbul masalah, ada banyak bahan berita dan itu sahaja yang dipentingkan. Mereka langsung tidak mengambil kira tentang hubungan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, sesetengah media Australia menonjolkannya sebagai seorang yang sukar, diktator, tidak popular dengan semua orang dan bahawa kononnya di Malaysia, ketegangan kaum hampir mencetuskan keganasan.

"Saya tidak tahu dari mana mereka mendapat gambaran ini. Cuba anda lihat sendiri masyarakat Cina, India dan Melayu, Mereka tidak akan bergaduh sesama sendiri..." kata beliau sambil menunjukkan kepada wartawan tempatan yang hadir pada persidangan akhbar itu.

Dr Mahathir enggan menjawab soalan tentang pendapatnya jika beliau menemui Keating sekarang.

Perdana Menteri menyifatkan soalan itu berupa andaian sambil berkata beliau kesal dengan kenyataan Keating. -- Bernama

AH MGN FAZ